

# Kumpulan pertama dalam pengurusan masjid dapat pengiktirafan

05 12/11/17

## Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Harapan yang menggunung kini tersemat pada jiwa kumpulan pertama pelajar yang menerima pengiktirafan dalam pengurusan masjid.

“Diploma Eksekutif dalam Pengurusan Masjid” itu diperkenalkan oleh UMS Link Holdings Sdn Bhd bertujuan menambahbaik pengurusan masjid dan surau di Negeri ini.

“Dengan program ini, kita dapat lihat ia satu permulaan baharu di mana kita boleh menjangkakan masjid-masjid yang diurus dengan baik dengan kehadiran orang-orang terlatih sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar,” kata bekas Yang Dipertua Negeri Tun Ahmadshah Abdulah di sini, Khamis.

Beliau bersikap di majlis penyampaian sijil dan diploma lanjutan kepada 195 pelajar dari dua buah pusat pengajian di bawah UMS Link.

Lapan orang dewasa bekerja menerima diploma eksekutif mereka di bawah program pengurusan pengurusan masjid.

“Saya menyokong penuh program itu, satu bidang yang baharu, diterokai oleh UMS Link dan mengetahui benar tentang keadaan masjid di



Negeri kita.

“Saya bekerja dengan Majlis Ugama Islam Sabah selama lapan tahun pada 80-an dan saya tahu terdapat agak banyak jumlah masjid dan surau di Sabah tetapi kebanyakannya diurus oleh orang-orang yang tidak terlatih.

“Mereka tidak dilatih tentang bagaimana menyusunatur atau menjaga masjid dengan cara yang betul. Bagaimanapun, terdapat sesetengah masjid, yang diurus dengan amat baik kerana mereka diketuai oleh

orang-orang korporat.”

Beliau berkata, keperluan untuk mempunyai orang-orang berpengetahuan dan terlatih untuk mengurus masjid adalah penting kerana pelbagai program boleh dianjurkan dalam masjid.

“Malah terdapat banyak perkara yang dilakukan di dalam masjid, dengan begitu banyak kerja, ini bukan mudah. Kamu akan bertemu dengan pelbagai kerenah yang keluar masuk atau mungkin bersemuka dengan mereka yang tidak ambil peduli langsung tentang peraturan

masjid.

“Dengan itu adalah penting untuk mendapat latihan dan pengetahuan bagi mengendalikan keadaan seperti ini dengan cara yang betul.”

Beliau menambah, peruntukan kerajaan adalah terhad kerana ia mahu jawatankuasa yang menjaga masjid mengumpul tabung mereka sendiri dan mengurusnya.

“Kamu perlu ada tabung kamu sendiri, dengan itu kamu perlukan orang-orang yang berpengetahuan untuk mengendalikannya,” kata beliau.